

**Perbankan Islam mampu kekal pertumbuhan
Utusan Online
December 15, 2011**

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Sektor perbankan Islam tempatan dijangka masih mampu mengekalkan rekod pertumbuhan dua digit tahun depan walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi global diramal semakin buruk.

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Datuk Adnan Alias berkata, pelbagai inovasi yang dilaksanakan di dalam sistem kewangan negara ini dijangka mampu membantu Malaysia untuk teguh menghadapi krisis ekonomi global.

"Saya tidak boleh meramalkan sama ada pertumbuhan tahun depan merosot ataupun tidak tetapi saya amat yakin, kita masih mampu mengekalkan rekod dua digit tersebut.

Ia ditambah dengan jaminan Gabenor bahawa krisis kewangan di Amerika Syarikat dan Eropah tidak akan memberi impak besar kepada bank-bank asing di negara ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Rangka Kerja Kelayakan Kewangan Islam dan Laluan Pembangunan di sini hari ini.

Majlis disempurnakan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan turut dihadiri Pengerusi IBFIM, Datuk Seri Zukri Samat.

Sektor kewangan Islam di Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih 20 peratus setiap tahun sejak 2000.

Terdahulu, Zeti di dalam ucapannya berkata, perkembangan dalam sistem kewangan Islam Malaysia telah menghasilkan satu industri yang semakin progresif, komprehensif serta berdaya saing dari segi keseluruhan sektor kewangan.

Menurut beliau, penguasaan pasaran aset perbankan Islam bagi keseluruhan industri perbankan telah berkembang kepada 22 peratus tahun ini berbanding hanya 6.9 peratus pada 2000.

Malah, sumbangan sektor kewangan Islam kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga meningkat kepada 2.1 peratus pada 2009 berbanding 0.3 peratus pada 2000.

"Perkembangan ini telah mendorong kepada peluasan peluang pekerjaan di dalam industri kewangan Islam iaitu sebanyak 11 peratus daripada keseluruhan pekerjaan di dalam sektor kewangan," katanya.

Tambah Zeti, dalam tempoh 10 tahun akan datang, seramai 200,000 pekerja dijangka diperlukan di dalam sektor kewangan terutamanya yang mempunyai kemahiran di dalam khidmat nasihat Syariah, kewangan korporat, pengurusan kekayaan serta khidmat nasihat pelaburan.

Zeti juga turut mengalu-alukan program IBFIM itu yang mana merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan kemahiran dan pemahaman di dalam industri ini.

"Rangka kerja yang inovatif ini menyediakan satu struktur laluan kepada pengayaan pengetahuan di setiap peringkat," ujarnya.

Rangka kerja tersebut meliputi modul-modul yang bersesuaian dengan kehendak pasaran semasa yang merangkumi sektor perbankan, takaful, pasaran modal dan pengurusan kekayaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1215&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_05.htm